

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU – BN]**

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 74)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kawasan lapangan terbang lama di Keningau yang dilihat berpotensi sebagai hub sukan udara bagi peminat aktiviti mencabar. Adakah cadangan serta peruntukan untuk membina lapangan sukan justeru untuk meningkatkan lagi potensi ekonomi daerah Keningau. Kawasan lapangan terbang lama Keningau ini boleh dimajukan untuk tujuan tersebut dan ia sudah pasti menarik lebih ramai pengunjung ke daerah Keningau.

SULIT

183

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk membina hub sukan udara di daerah Keningau, Sabah. Cadangan ini perlu mempunyai maklumat yang jelas berkaitan dengan tujuan hub, kesesuaian lokasi (pemilikan tanah), permintaan penggunaan dan kelangsungan aktiviti yang berterusan dan implikasi kos yang terlibat. Kementerian juga mengambil kira faktor potensi projek ini yang boleh mengembangkan aktiviti sukan udara.

Sekian, terima kasih.